

CNS9882

R GB 31-01 00182 BA746

bah

MEWUJUDKAN NEGARA YANG BERSATU CABARAN BESAR WAWASAN 2020: MAHATHIR  
Mahathir - Perpaduan

I

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama)-- Cabaran paling **asas bagi** Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 ialah **mewujudkan** sebuah negara Malaysia yang bersatu padu, kata **Perdana Menteri malam ini**.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad optimis bahawa Malaysia dapat mengatasi cabaran itu dan sebuah negara Malaysia yang bersatu padu akan muncul selepas itu.

Dalam ucapannya pada jamuan malam Kelab Harvard Malaysia di Shangri-La Hotel disini, beliau menyifatkan rakyat Malaysia sebagai bernasib baik.

+Kita juga mempunyai puak pelampau, tetapi **pada** keseluruhannya rakyat Malaysia sayang kepada negara, cintakan keamanan, pragmatik, bertimbang rasa dan menghormati hak satu sama lain. Mereka juga inginkan kebebasan, kestabilan dan keadilan sosial,+ katanya semasa menggariskan **asas** perasaan optimisnya tentang masa depan negara.

+Semua kualiti ini mesti kita pupuk dan perkukuhkan di rumah kita, di sekolah, di tempat kerja dan di kalangan masyarakat seluruhnya **bagi** memperkuat asas kepada sebuah negara yang bersatu **pada** tiga dekad akan datang,+ katanya. -- Lagi.

▼31/01/21-48MST

CNS9891

R GB 31-01 00151 BA748

bah

Mahathir - Perpaduan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bagi **mencapai** matlamat itu, tumpuan utama harus diberikan kepada generasi sekarang dan **selepasnya** kerana merekalah yang akan memimpin dan mewarisi Malaysia **pada** tahun 2020.

Selain memupukkan Bangsa Malaysia yang bersatu, kerajaan telah **mengenal** pastilapan cabaran lain yang akan diatasi menjelang tahun **2020** dan matlamat sebuah negara yang bersatu perlu **diusahakan** secara **serentak** dengan objektif lain.

+Malah kejayaan kesemua sembilan objektif ini adalah saling gantung-bergantung dan **lengkap-melengkapi**,+ katanya.

Sambil menyifatkan tugas yang akan dipikul di depan sebagai **yang amat** beratt, beliau berkata untuk membawa **perubahan** sosial **pada** tahap itu dan merangkumi bidang yang pelbagai memerlukan **banyak daya kreativiti**, perancangan yang teliti dan penyelarasan yang **berhati-hati**.

Beliau berkata masalah yang besar itu bagaimanapun **tidak akan** menghalang rakyat untuk berusaha mencapai matlamat negara **dengan** membina kekuatan sendiri. -- Lagi.

▼31/01/22-01MST

CNS9900

R GB 31-01 00155 BA749

bah

Mahathir - Perpaduan 3 Kuala Lumpur

Antara kekuatan yang perlu dibina oleh rakyat Malaysia ialah kemampuan mereka untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang Malaysia telah dikenali sebagai salah sebuah negara yang **dinamik** di dunia.

Satu lagi kekuatan terletak **pada** kemampuan rakyat untuk bertolak ansur dan mencapai kata sepakat **bagi** kepentingan yang lebih besar, bersikap toleransi, cintakan keamanan dan kestabilan dan **carahidup** yang demokratik.

+Kekuatan-kekuatan **ini** jika dipupuk dengan baik akan **membawa kita** mampu menangani cabaran-cabaran masa akan **datang**,+ katanya.

Tetapi, katanya, **pada** akhirnya terpulang kepada **rakyat** sendiri untuk menentukan **samaada** Malaysia berjaya menjadi sebuah- negara yang bersatu atau tidak menjelang tahun 2020.

+Dalam negara demokrasi, rakyatlah yang **menguasai** secara **langsung** untuk menentukan **bentuk** dasar-dasar dan program yang hendak dilaksanakan.

Kerajaan yang dipilih hanya boleh **mengikuti** arah yang dikehendaki rakyat dan ia hanya boleh bergerak pantas setelah rakyat **membenarkannya**+. -- Lagi.

♥31/01/22-15MST

CNS9904

R GB 31-01 00198 BA750

bah

Mahathir - Perpaduan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Menegenai masalah membina negara, **Perdana Menteri** menyebut terdapat negara-negara yang telah wujud berdekad-dekad lamanya, malah **berabad-abad** lebih lama daripada Malaysia tetapi belum berjaya mengatasi masalah perpaduan mereka.

Negara-negara ini bermula dengan mempunyai masalah yang tidak seberapa rumit dan pelbagai daripada Malaysia.

Beliau berkata menjelang tahun 2020, Malaysia akan melalui proses **pembinaan** negara selama **enam** dekad, **60 tahun**, **berkongsi** pengalaman bersejarah membentuk masa depan bersama, memupuk nilai dan pandangan bersama, mewujudkan ikatan di kalangan rakyat dengan bahasa yang **sama** dan membentuk satu kebudayaan dan identiti Malaysia yang unik.

+**Sekiranyakita** masih belum menjadi sebuah negara yang **matang** ketika itu, sekurang-kurang kita berada di **landasan** ke sebuah negara yang maju,+ katanya.

Tetapi beliau mengingatkan bahawa **ini** boleh dicapai hanya jika proses pembinaan negara dikendalikan dengan **memenuhi** **kewajipan** dan tanggungjawab di bawah Perlembagaan, **samaada** ia berkaitan dengan politik, kewarganegaraan, peluang sosio-ekonomi, bahasa, agama atau kuasa-kuasa **pusat** dan negeri.

+**Inilah** ikrar **sucikita** yang telah **kita** buat bersama semasa **kita** mencapai persepakatan (**bagi** penubuhan Malaysia): Ikrar **ini** perlu **kita** terus laksanakan dengan jujur dan dengan sepenuhnya,+ tambah beliau. -- Bernama.

♥31/01/22-28MST